



**UCAPAN PENUTUP**  
**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF**  
**MENTERI KANAN KERJA RAYA**  
**SEMPENA**  
**HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN) 2020**  
**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**30 DISEMBER 2020**  
**(3.00 petang)**

## **PENGENALAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin kerana sudi menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan HPTN 2020 secara *Maya* pada 5 Disember yang lalu. Kesudian YAB Tan Sri, amat istimewa dan besar maknanya buat warga profesion teknikal negara.

2. Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada agensi – agensi di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juru Ukur Bahan Malaysia (BQSM) yang telah berganding-bahu menjayakan HPTN 2020 kali ini.

3. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakan strategik HPTN 2020 iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA),

Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Radio Televisyen Malaysia (RTM), dan Institut Pengajian Tinggi seperti UiTM, UTM, UKM, UIA dan UniKL. Terima kasih juga kepada semua penaja yang terlibat iaitu Legoland, Celcom, Maxis, Daikin, Petronas dan lain-lain penaja. Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada semua rakan media, di atas publisiti dan promosi yang telah diberikan sepanjang HPTN 2020.

### **TEMA “MASA DEPAN ADALAH KITA”**

4. Tema HPTN 2020, “Masa Depan Adalah Kita”, merupakan satu aspirasi negara bagi memupuk kecintaan dan minat generasi muda untuk menceburi bidang teknikal yang semakin mencabar. Secara tidak langsung HPTN adalah medium untuk mempromosikan bidang teknikal dalam kalangan generasi baharu. Saya berharap lebih ramai pelajar-pelajar sekolah dan pusat pengajian tinggi, memilih bidang teknikal sebagai profesion pilihan utama. Ilmu dan kepakaran dalam bidang teknikal mampu memacu pembangunan sesebuah negara.

5. Merujuk kepada statistik World Economic Forum 2018, menjelang tahun 2022, dianggarkan 133 juta jenis pekerjaan di dunia akan berubah menjadi pekerjaan baharu. Manakala, 75 juta bidang pekerjaan lagi akan pupus akibat perkembangan

teknologi. Berdasarkan trend tersebut, pekerjaan yang bakal mengambil alih pasaran adalah pekerjaan berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI), digital, robotik dan teknologi baharu.

6. Justeru, sebagai Kementerian yang meneraju bidang teknikal dan sektor pembinaan di Malaysia, saya sentiasa menggalakkan warga kerja raya untuk meneroka dan memanfaatkan teknologi terkini serta menghasilkan inovasi-inovasi baharu dalam bidang teknikal khususnya. Ini selaras dengan agenda dan visi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, yang akan membawa perubahan kepada landskap tadbir urus, pembangunan, ekonomi dan sosial negara.

7. Mendepani dunia tanpa sempadan merupakan satu cabaran bagi warga teknikal. Penggunaan instrumen teknologi secara meluas akan menjadikan kita lebih berdaya saing dengan negara luar. Oleh yang demikian, kita perlu berani bergerak jauh ke hadapan dengan mempelopori teknologi, melahirkan pencipta dan bukan sekadar menjadi pengguna semata-mata. Saya mengambil contoh perkhidmatan penghantaran makanan oleh beberapa syarikat yang menggunakan teknologi aplikasi mudah alih dan laman sesawang bagi membuat pesanan makanan. Begitu juga dengan sistem *e-wallet* dan perkhidmatan *JomPay* yang makin luas penggunaannya. Fenomena perkhidmatan ini seiring dengan zaman perkembangan teknologi yang mana

semua orang inginkan perkhidmatan yang pantas dan mudah hanya di hujung jari.

8. Lantaran itu, baru-baru ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan National Technology and Innovation Sandbox (NTIS), dibawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Ini adalah salah satu strategi kerajaan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dengan menjadi negara berteknologi tinggi. Melalui NTIS, para pembangun teknologi, penyelidik dan inovator dapat menjalankan projek dalam persekitaran yang terkawal, berasaskan peraturan yang memberi kelonggaran untuk mencuba teknologi baru. Secara tidak langsung, ini membolehkan lebih banyak inovasi baharu dapat dikomersialkan. Sekali lagi saya ingin menyeru agar para profesion teknikal tempatan dapat menyokong dasar pelaksanaan NTIS negara, terutama dalam membantu graduan-graduan tempatan dengan mengiktiraf kemahiran yang mereka miliki, seterusnya turut berkongsi kepakaran yang ada.

9. Kementerian Kerja Raya juga menyambut baik fokus kerajaan dalam menyediakan insentif bagi menggalakkan pengambilan pekerja di bawah PERKESO yang dikenali sebagai Penjana Kerjaya. Inisiatif ini dilihat mampu meningkatkan lagi penglibatan rakyat Malaysia terutama belia tempatan dalam sektor ekonomi dan mampu mengurangkan kebergantungan

tinggi kepada pekerja asing bagi sektor pembuatan dan pembinaan.

10. Pembangunan modal insan merupakan elemen asas dalam mentransformasikan ekonomi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi. Kita dapat lihat, negara maju amat menitik beratkan pembangunan insan terutama dalam bidang teknikal. Bagi mencapai hasrat ini, saya yakin kerajaan akan terus berusaha menyediakan pelbagai insentif kepada rakyat untuk memperkasakan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pendapatan rakyat. Kerajaan juga turut memberi penekanan kepada bidang pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

11. Sambutan HPTN pada setiap tahun amat bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju, berteknologi tinggi dan pada masa akan datang, 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan negara-negara maju lain seperti Korea Selatan, Jerman dan Jepun.

## **PENGISIAN AKTIVITI**

Penonton yang saya muliakan,

12. Pelbagai aktiviti menarik telah dirangka dan disusun secara atas talian sepanjang sambutan HPTN 2020. Antara aktiviti yang telah dijayakan adalah siri webinar dan 11 acara pertandingan. Pelbagai pertandingan telah diadakan secara maya termasuklah 3 kejohanan e-sport iaitu virtual run, PUBG, Mobile Legends, pertandingan fotografi, LEGO Education, Digital Poster, pengaturcaraan drone dan lain-lain.

13. Publisiti dan promosi berkenaan pertandingan – pertandingan ini turut di siarkan menerusi Nasionalfm, Traxxfm, KLfm, Minnalfm, wawancara di TV Al-Hijrah, CIDB TV dan Selamat Pagi Malaysia (RTM).

14. HPTN 2020 telah mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai. Dalam tempoh masa seminggu sahaja, HPTN 2020 berjaya merekodkan lebih daripada 100,000 pengunjung maya. Jumlah ini adalah satu bilangan yang besar dan sudah pasti ini adalah satu kejayaan besar bagi acara sambutan secara maya.

15. Tahniah juga saya ucapkan kepada pemenang yang telah berjaya memenangi pertandingan yang telah dipertandingkan

sepanjang HPTN 2020 berlangsung. Saya percaya setiap peserta pasti telah memberikan yang terbaik. Walau apa pun, perkara yang lebih penting ialah nilai positif yang dapat kita terapkan serta manfaat dan ilmu yang diperolehi melalui program ini.

16. Besar harapan saya agar Sambutan HPTN mencapai matlamatnya dengan menjadi acara tahunan yang dimasukkan dalam kalendar aktiviti negara dan seterusnya setaraf dengan Sambutan Hari Guru, Hari Polis dan Hari Jururawat Sedunia dan lain-lain.

## **PENUTUP**

Penonton yang saya hormati,

17. HPTN 2020 telah melabuhkan tirainya. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sambutan kali ini. Semoga kejayaan kita menganjurkan HPTN 2020 menjadi pemangkin dan pencetus semangat untuk kita terus melakar kejayaan pada masa akan datang.

18. Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM saya dengan rasminya



menutup Program Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara bagi Tahun 2020.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.